



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (22)

SIARAN MEDIA

LANGKAWI INTERNATIONAL MARBLE ART CAMP 2025 (LAIN MACAM 2025)

27 DISEMBER 2025 - Balai Seni Negara Cawangan Langkawi hari ini merasmikan **Program Langkawi International Marble Art Camp 2025 (LAIN MACAM 2025)**, sebuah program seni arca bertaraf antarabangsa yang mengangkat batu pualam Pulau Langkawi sebagai bahan teras dalam penghasilan karya, sekali gus memperlihatkan keindahan alam semula jadi dalam bentuk ekspresi seni kontemporari. Program ini berlangsung dari 19 Disember hingga 28 Disember 2025 di Gunung Raya Art Space (GRAS), Langkawi, Kedah.

Perasmian disempurnakan oleh YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) di Balai Seni Negara Cawangan Langkawi. Turut hadir ialah YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, pegawai-pegawai kanan MOTAC, wakil jabatan dan agensi, rakan kerjasama, serta para penggiat seni.

LAIN MACAM 2025 menampilkan penyertaan seramai 18 orang artis tempatan dan antarabangsa, termasuk dari Thailand, Singapura, Indonesia, China, Jepun, India, Nepal dan Jordan. Penglibatan rentas negara ini bukan sahaja memperkukuh jaringan seni arca di peringkat antarabangsa, malah memartabatkan batu pualam Langkawi sebagai bahan seni bertaraf global.

Antara artis yang terlibat ialah Subri bin Ismail, Muhammad Idrus bin Mohd Rani, Shu Ogasawara, Laxman Bahadur Gharti, Nai Vongsuthep Wong Sowat @ Timothy Vongsuthep, Tugiman S. Sn, Yeo Chee Kiong, Chandrashekar Koteswar, Shaik Azgharali, Shu Wei Chang, Jiang Meng Si, Jing Yibing, Abd. Hamid bin Muhamad, Anees Yasin Mohammad Maani, Ryo Wakabayashi, Kazutaka Shioi, Prof. Jehabdullah Jehsorhoh serta Muhammadtoha Hayi Yusof. Sepanjang tempoh program, sebanyak 18 arca seni telah dihasilkan dan kini dipamerkan di Galeri Balai Seni Negara Langkawi sehingga 31 April 2026.

Bagi memeriahkan penganjuran LAIN MACAM 2025, beberapa program sokongan turut diadakan, termasuk bengkel seni seperti Marble Detailing Art Workshop yang dikendalikan oleh Muhamad Fatihad Fabillah dan Mini Sculpture Art Workshop oleh Nazri Abdullah. Bengkel-bengkel ini bertujuan memberi pendedahan praktikal kepada peserta dalam teknik pengolahan seni arca batu pualam, sekali gus mengasah kemahiran serta kreativiti mereka dalam bidang seni kontemporari.

Dalam pada itu, Balai Seni Negara Cawangan Langkawi turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan kerjasama, iaitu Bina Darulaman Berhad (BDB) dan Bon Ton Resort Langkawi atas sokongan yang diberikan terhadap penganjuran program ini.

Penganjuran berterusan program ini diharap dapat terus memperkukuh peranan Balai Seni Negara Cawangan Langkawi sebagai platform utama dalam pembangunan seni arca kontemporari, serta menjadi ruang bagi penggiat seni menzahirkan kreativiti mereka melalui penghasilan karya berasaskan batu pualam, permata alam yang menjadi identiti unik Langkawi.

Sementara itu, dalam majlis yang sama, YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha MOTAC turut merasmikan Program Sebab Boleh: NAT Ubah Suai, yang berlangsung di Maha Tower, Langkawi, Kedah pada 25 hingga 27 Disember 2025. Dengan penganjuran kedua-dua program ini, Balai Seni Negara Cawangan Langkawi terus membuka ruang kepada orang ramai untuk meneroka dan menghayati karya seni kontemporari yang dihasilkan oleh penggiat seni tempatan dan antarabangsa.

Orang ramai dijemput untuk mengunjungi **Pameran LAIN MACAM 2025** sehingga **31 April 2026** di **Balai Seni Negara Cawangan Langkawi**. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara dan Balai Seni Negara Cawangan Langkawi atau layari www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my

Balai Seni Negara Langkawi:

Noordila Omar

T: +6019 5990 884

E: noordila@artgallery.gov.my

Rozeree Mohamed

T: +6010 2552 131

E: rozeree@artgallery.gov.my